

Adun Sungai Panjang kongsi ilmu propaganda

KUALA LUMPUR -

Propaganda suatu teknik komunikasi bertujuan mempengaruhi kecenderungan menyukai atau tidak menyukai individu atau kumpulan terhadap sesuatu perkara.

Ia muncul dalam pelbagai rupa; daripada kandungan buku dibaca atau siaran berita yang diikuti sehinggalah kepada ucapan didengar, lakonan ditonton atau lagu yang dinikmati dan seribu bentuk lagi.

Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi menjelaskan, propaganda digunakan sejak zaman Parsi kuno, empayar Rom, kerajaan Yunani, zaman kegemilangan Napoleon Bonaparte hinggalah pemerintah Nazi Jerman ketika perang dunia pertama dan kedua.

"Kaedah sama digunakan Zionis yang menghasilkan lebih 100 filem bertujuan memaparkan kekejaman Nazi untuk mempengaruhi minda bawah sedar masyarakat kononnya Yahudi bangsa yang ditindas kejam selain menghalalkan pembentukan negara Israel pada 1948," katanya.

Beliau berkongsi ilmu



Budiman berkongsi ilmu propaganda dalam sembang santai.

dalam sembang santai 'Propaganda Di Mana-Mana' bersama hampir 30 peminat politik, blogger dan aktivis politik di sebuah cafe, di sini.

Budiman berkata, sembang santai itu mengisi ruang sasaran ilmu politik secara teori dan praktikal serta berkongsi pengetahuan.

Penulis buku 'Kuasa Propaganda' itu berkata, dengan persekitaran berbeza, peserta mendapat ilmu dalam suasana santai dan selesa.

"Ada permintaan dibuat program susulan. Insya-ALLAH jika ada kelapangan. Diskusi ini mencambahkan kemahiran politik, menambah ni-

lai sasaran politik," katanya.

Selain Kuasa Propaganda, Budiman sedang menyiapkan PhD dalam Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pernah menghasilkan empat buku iaitu Seni Pengucapan Awam, Taman Rohani, Mesyuarat Itu Mudah dan Menggilap Pemandato Hebat.

Peserta, Muhammad Firdaus Rahmat berkata, Budiman mempunyai cara tersendiri menyampaikan idea.

"Perkongsian ini menambah ilmu terutama berkaitan propaganda yang boleh diaplikasikan dalam berpersatuan dan berpolitik," katanya.